

23/01/1997

IT: Mara taja pelajar lanjutkan pelajaran

MAJLIS Amanah Rakyat (Mara) akan menaja pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan komputer dalam dan luar negara bagi menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi menjayakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) di Putra Jaya yang sedang dimajukan.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata berikutan itu lebih ramai lepasan MRSM dan pelajar tajaan Mara akan mengikuti pengajian IT dan komputer di institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara.

"Ini penting bagi memastikan projek MSC di Putra Jaya berjalan lancar menggunakan tenaga mahir tempatan di samping sumber tenaga luar," katanya di Majlis Penyerahan Video Bimbingan Kerjaya oleh Gabungan Persatuan Pelajar Lepas MRSM (Ansara) dan majlis bersama Menteri Pembangunan Usahawan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Taiping di Taiping, malam semalam.

Majlis penyerahan video dilakukan oleh Presiden Ansara, Mukhriz Mahathir, kepada Mustapa bagi pihak MRSM Taiping yang dipilih untuk majlis itu.

Hadir sama Pengarah Bahagian Pelajaran Menengah Mara, Ramli Ismail dan Pengetua MRSM Taiping, Ahmad Roslan Johari.

Mustapa berharap menerusi sistem pendidikan MRSM, Mara mampu berkembang lebih pesat dan memberi peluang ramai pelajar mengikuti pendidikan yang berkualiti.

Katanya, MRSM kini menekankan pendidikan membabitkan perubatan (kedokteran), kejuruteraan, perakaunan dan agama Islam di samping IT dan komputer.

"Ini penting bagi menyediakan pelajar yang boleh membawa perubahan dan kemajuan kepada bangsa, negara serta agama," katanya.

Sehubungan itu, katanya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7), Mara akan membina 12 lagi MRSM masing-masing dua di Perak dan Kelantan, tiga di Johor dan masing-masing sebuah di Sabah, Pahang, Pulau Pinang, Kedah dan Selangor.

"Pembinaan MRSM itu bagi menambah 19 maktab sedia ada bermula tahun ini dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 1999. Kos membina MRSM bersaiz kecil membabitkan RM10 juta manakala bersaiz besar RM24 juta," katanya.

Menurutnya, dengan siapnya 12 bangunan baru MRSM, lebih 7,000 lagi pelajar tingkatan satu dan empat berpeluang melanjutkan pengajian bagi menambah 10,000 pelajar di seluruh negara sekarang.

Mukhriz pula berkata, pita video itu memberi bimbingan dan panduan mengenai pelbagai peluang kerjaya untuk pelajar sekolah menengah terutama di luar bandar bagi membantu mereka merancang masa depan dengan lebih berkesan.

Setiap pita video mengandungi penerangan mengenai dua kerjaya serta mengambil masa kira-kira 15 minit setiap satu.

Antara kerjaya itu ialah perubatan, perundangan dan kejuruteraan.

Personaliti yang diperkenalkan dalam pita video itu adalah lepasan MRSM yang cemerlang dalam kerjaya masing-masing bagi menarik minat dan perhatian pelajar menentukan pemilihan pengajian yang sesuai.

Mukhriz yang juga anak kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata 400 pita video itu akan segera disumbangkan kepada sekolah-sekolah menengah kerajaan di luar bandar.

Sementara itu, katanya Konvensyen Ansara membabitkan lepasan MRSM

dijangka diadakan di Auditorium Mara Kuala Lumpur, Mac ini bagi membincangkan cara memajukan sistem pendidikan MRSM.

(END)